

09 FEB 1998

Mahathir-Lubnan

MALAYSIA DAN LUBNAN AKAN TINGKATKAN KERJASAMA

KUALA LUMPUR, 9 Feb (Bernama) -- Kerjasama antara Malaysia dan Lubnan bersedia untuk dimulakan dengan Perdana Menteri kedua-dua negara menemui titik persamaan dalam beberapa bidang berikutan perbincangan mereka di sini hari ini.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, selepas perbincangan dengan rakan sejawatannya, berkata Malaysia berminat mengambil bahagian dalam pembinaan semula Lubnan seperti dalam bidang pelancongan.

Lubnan yang musnah dilanda peperangan memulakan satu program besar-besaran pembinaan semula negara itu berikutan perang saudara selama 17 tahun. Ibu negaranya Beirut juga sedang berusaha mengembalikan kedudukannya sebagai pusat kewangan utama rantau Asia Barat.

"Kita mahu menyertai pembinaan semula Lubnan kerana kita berpendapat ia boleh mendatangkan manfaat kepada kita," katanya kepada pemberita.

"Industri pelancongan menawarkan potensi yang baik," katanya semasa ditanya apakah bidang-bidang pembangunan semula yang Malaysia berminat untuk menyertainya.

Dr Mahathir dan Hariri mengadakan perbincangan empat mata selama kira-kira dua jam di pejabat Perdana Menteri. Ini diikuti dengan mesyuarat penuh anggota delegasi selama sejam diakhiri dengan penandatanganan Memorandum Persefahaman (MoU) mengenai kerjasama penerangan oleh kedua-dua Perdana Menteri.

Hariri tiba pagi ini untuk lawatan rasmi dua hari sebagai kunjungan balas Dr Mahathir ke Beirut Jun tahun lepas.

Semasa memberi taklimat kepada pemberita mengenai mesyuarat itu, Menteri Luar Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata keupayaan sektor swasta Malaysia untuk melabur di Lubnan mungkin berkurangan memandangkan keadaan ekonomi sekarang.

"Tetapi tentunya apabila nilai ringgit meningkat dan apabila ekonomi kembali pulih, kita boleh melabur di Lubnan dalam banyak bidang," katanya.

Abdullah berkata pertemuan itu juga memberikan peluang kepada Hariri mendalami mengenai Malaysia daripada Dr Mahathir sendiri serta usaha-usaha serantau untuk mengatasi masalah ekonomi.

"Hariri bimbang dengan apa yang berlaku dan berkata bahawa Malaysia akan tetap sentiasa menjadi sahabat Lubnan," katanya.

Abdullah berkata Hariri telah mencadangkan supaya gabenor bank pusat Malaysia dan Lubnan mengadakan hubungan untuk mempelajari mengenai operasi perbankan masing-masing.

Beliau berkata kedua-dua pemimpin mahu melihat pengembangan dalam kegiatan perdagangan antara Kuala Lumpur dan Beirut.

Berikutan itu Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz akan melawat Lubnan bulan ini yang juga mungkin akan menyaksikan penandatanganan perjanjian mengenai jaminan pelaburan dan pengelakkan cukai berganda antara kedua-dua negara.

Pada 1990, dagangan dua hala berjumlah RM14 juta dan meningkat kepada RM57 juta pada 1996.

Menteri Luar itu berkata Hariri telah memberitahu Dr Mahathir bahawa Lubnan dan negara jiran Syria telah bersetuju untuk menghapuskan duti import.

"Ini merupakan satu pasaran baru bagi Malaysia jika kita boleh meningkatkan eksport barangan kita ke sana," katanya.

Lubnan dan Syria masing-masing mempunyai penduduk berjumlah kira-kira

empat juta dan 20 juta.

Katanya duta Malaysia ke Mesir akan ditauliahkan ke Lubnan dan satu daripada tugasnya ialah untuk menyelia usaha-usaha meningkatkan dagangan dua hala.

Abdullah berkata dengan Beirut akan mengamalkan dasar "langit terbuka" dalam tahun 2000, adalah diharapkan Malaysia dan Lubnan akan memperluaskan perkhidmatan udara mereka untuk mengambil manfaat daripada ini.

MoU yang ditandatangani sebelum itu oleh kedua-dua perdana menteri ialah untuk menggalakkan kerjasama dalam bidang penerangan antara kedua-dua negara terutama dalam pertukaran program televisyen dan radio.

Ia juga akan menggalakkan pertukaran berita dan bahan berita antara agensi berita nasional Bernama dan agensi berita nasional Lubnan (NNA) sebagai sebahagian daripada usaha untuk memastikan kedua-dua negara mengetahui perkembangan antara satu sama lain.

Satu jawatankuasa bersama akan ditubuhkan untuk melaksanakan MoU itu dan mencari jalan bagi kerjasama yang lebih luas. -- BERNAMA

MAM RON